

Bil. S 11

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah dibuat di bawah Perkara 83(3))

PERINTAH AKTA PENDAFTARAN JURURAWAT (PINDAAN), 2014

SUSUNAN BAB-BAB

Bab

1. Gelaran.
 2. Pemasukan bab-bab 2A dan 2B baru ke dalam Penggal 140.
 3. Pindaan bab 3.
 4. Pindaan bab 4.
 5. Pindaan bab 6.
 6. Pindaan bab 9.
 7. Tambahan bab 10 baru.
 8. Pindaan Akta.
-

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah dibuat di bawah Perkara 83(3))

PERINTAH AKTA PENDAFTARAN JURURAWAT (PINDAAN), 2014

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh Perkara 83(3) dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan ini membuat Perintah yang berikut —

Gelaran.

1. Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Akta Pendaftaran Jururawat (Pindaan), 2014.

Pemasukan bab-bab 2A dan 2B baru ke dalam Penggal 140.

2. Akta Pendaftaran Jururawat, dalam Perintah ini disebut sebagai Akta itu, adalah dipinda dengan memasukkan sejurus selepas bab 2 dua bab baru yang berikut —

“Jururawat yang menjalankan amalan hendaklah mendaftar.

2A. Tiada sesiapa pun boleh menjalankan amalan kejururawatan di Negara Brunei Darussalam melainkan jika dia didaftarkan dalam Daftar.

Pendaftar Jururawat.

2B. Pengarah Perkhidmatan Kejururawatan adalah Pendaftar Jururawat, yang akan bertanggungjawab bagi penyelenggaraan dan penyimpanan Daftar dan bagi perlaksanaan kewajipan-kewajipan lain berhubung dengannya sebagaimana yang mungkin diperlukan.”

Pindaan bab 3.

3. Bab 3 dari Akta itu adalah dipinda —

(a) dengan memansuhkan ceraihan (1) dan menggantikannya dengan dua ceraihan baru yang berikut —

“(1) Bagi maksud-maksud Akta ini, hendaklah ada suatu daftar jururawat yang akan dikenali sebagai Daftar.

(1A) Tertakluk kepada dan menurut Akta ini, Daftar hendaklah dalam bentuk sebagaimana yang mungkin ditentukan oleh Lembaga dan nama-nama semua orang yang dimasukkan dalam Daftar hendaklah disiarkan pada tiap-tiap tahun dalam *Warta Kerajaan*.”

(b) dalam cerai (4), dengan memasukkan “atau sebarang peraturan yang dibuat di bawahnya” sejurus selepas “Akta ini” dalam baris pertama.

Pindaan bab 4.

4. Bab 4 dari Akta itu adalah dipinda, dalam cerai (1) —

(a) dengan memotong “Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dalam Majlis Mesyuarat” dari baris pertama dan kedua dan menggantikannya dengan “Menteri, dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan”;

(b) dengan memasukkan perenggan baru yang berikut sejurus selepas perenggan (b) —

“(ba) untuk mengawalselia pengeluaran dan pembaharuan sijil menjalankan amalan;”;

(c) dalam perenggan (d), dengan memasukkan “, ditolak pendaftarannya dalam” sejurus selepas “dari” dalam baris ketiga.

Pindaan bab 6.

5. Bab 6 dari Akta itu adalah dipinda, dalam cerai (1), dengan memasukkan “, atau penolakan untuk memasukkan namanya dalam,” sejurus selepas “dari” dalam baris kedua.

Pindaan bab 9.

6. Bab 9 dari Akta itu adalah dipinda —

(a) dengan memotong nota tepi dan menggantikannya dengan “Kesalahan-kesalahan.”;

(b) dengan memansuhkan perenggan (a) dan menggantikannya dengan perenggan baru yang berikut —

“(a) bukannya seorang yang telah didaftarkan di bawah Akta ini, menjalankan amalan kejururawatan;”;

(c) dengan memasukkan perenggan baru yang berikut sejurus selepas perenggan (a) —

“(aa) bukannya seorang yang telah didaftarkan di bawah Akta ini, memakai atau menggunakan gelaran jururawat berdaftar atau gelaran yang seumpama itu dalam mana-mana bahasa lain, sama ada gelaran itu

sahaja atau bersama dengan sebarang perkataan atau huruf, atau menggunakan sebarang nama, gelaran, tambahan, perihalan, pakaian atau lencana yang membayangkan bahawa dia adalah didaftarkan di bawah Akta ini atau diakui oleh undang-undang sebagai seorang jururawat berdaftar, atau menggunakan sebarang gelaran, pakaian atau lencana yang ditetapkan bagi kegunaan jururawat-jururawat yang didaftarkan di bawah Akta ini;”.

Tambahan bab 10 baru.

7. Akta itu adalah dipinda dengan menambah bab baru yang berikut —

“Penggajian orang yang tidak didaftarkan untuk menjalankan amalan kejururawatan.

10. (1) Tiada sesiapa pun boleh menggaji atau menggunakan khidmat seseorang yang bukan seorang yang telah didaftarkan di bawah Akta ini untuk menjalankan amalan kejururawatan.

(2) Mana-mana orang yang melanggar cerai (1) adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi dari \$10,000 dan, dalam hal sabitan kedua atau berikutnya, dikenakan suatu denda tidak melebihi dari \$20,000, dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi dari 6 bulan atau kedua-duanya sekali.

(3) Cerai (1) tidak dikenakan kepada penggajian atau penggunaan khidmat —

(a) seseorang pengamal perubatan;

(b) seseorang untuk menjaga —

(i) orang yang menggaji atau menggunakan khidmatnya; atau

(ii) seseorang ahli keluarga, sanak-saudara atau sahabat orang yang menggaji atau menggunakan khidmatnya.

(4) Dalam sebarang prosiding kerana suatu kesalahan terhadap bab ini, adalah menjadi suatu pembelaan bagi seseorang defendan untuk membuktikan bahawa —

(a) dia tidak mengetahui bahawa orang yang berkenaan itu adalah seorang yang tidak didaftarkan di bawah Akta ini; dan

(b) dia telah berusaha dengan sewajarnya untuk memastikan sama ada orang itu adalah seorang yang telah didaftarkan di bawah Akta ini.”.

Pindaan Akta.

8. Akta itu adalah dipinda dengan memotong “Kebawah Duli Yang Maha Mulia dalam Majlis Mesyuarat” di mana sahaja perkataan-perkataan tersebut terdapat dan menggantikannya dengan “Menteri”.

Diperbuat pada hari ini 10 haribulan Jamadilakhir, Tahun Hijrah 1435 bersamaan dengan 10 haribulan April, 2014 di Istana Nurul Iman Beta, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM